

21/08/2003

PM harap PBB teruskan misi di Baghdad

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), yang ibu pejabatnya di Baghdad dibom kelmarin, meneruskan misinya di ibu kota Iraq itu.

Sambil menganggap serangan bom itu sebagai kejadian yang di luar pemahaman beliau, Perdana Menteri berkata PBB sepatutnya mengambil alih pentadbiran Iraq daripada Amerika Syarikat (AS), sehingga negara itu mampu mengurus pentadbiran kerajaannya sendiri.

"Saya tak faham kenapa ditujukan kepada United Nations (PBB). UN tak ada salah apa. Dia orang ini tak fikir langsung. Kalau dia nak buat, dia pukul, kemudian nak bunuh orang, dia bunuh," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sijil kepada peserta Misi ke India anjuran Persatuan Pemotoran Malaysia, semalam.

Beliau diminta mengulas serangan bom yang mengorbankan sekurang-kurangnya 24 orang termasuk Wakil Khas PBB ke Iraq, Sergio Vieira de Mello, pada kira-kira jam 4.20 petang kelmarin.

Letupan bom trak dan mungkin serangan berani mati itu memusnahkan sepenuhnya satu blok ibu pejabat PBB di Hotel Canal. Kejadian itu dianggap serangan paling besar selepas Saddam Hussein digulingkan Amerika Syarikat 9 April lalu.

Dr Mahathir, yang mengutuk kejadian itu, berkata PBB masih perlu berada di negara itu biarpun kejadian terbaru ini menggugat keselamatan organisasi antarabangsa berkenaan.

"Saya rasa PBB masih perlu berada di sana tetapi badan itu juga perlu mengambil alih (pentadbiran Iraq) daripada Amerika sehingga rakyat Iraq mampu mentadbir kerajaan mereka sendiri," katanya.

Perdana Menteri berkata, kejadian pengeboman kelmarin tidak sepatutnya berlaku kerana PBB tidak boleh disalahkan selepas serangan ke atas negara itu dibuat tentera bersekutu Amerika.

Ditanya sama ada PBB sudah hilang kekebalan (immunity) terutama di negara yang bergolak, Dr Mahathir berkata:

"PBB bukannya berdepan dengan mereka yang ada peraturan... mereka (pengebom) boleh buat apa saja yang mereka suka."

Sementara itu di BAGHDAD, angka kematian serangan meningkat kepada 24 orang, kata seorang pegawai kanan PBB.

"Ada sekurang-kurangnya 21 mangsa di rumah mayat semalam dan tiga lagi ditemui di bawah sisa runtuh bangunan termasuk mayat seorang wanita yang baru tiba di Baghdad kelmarin," kata pegawai itu yang enggan identitinya disiarkan.

Kiraan kes kecederaan oleh agensi berita Agence France Presse (AFP) di beberapa hospital di Baghdad menunjukkan seramai 107 cedera. Selain itu, ejen Biro Siasatan Persekutuan (FBI) terus cuba mencari petunjuk pihak yang bertanggungjawab melakukan serangan.

Pekerja PBB diarah berehat selepas serangan itu. Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan pula menekankan bahawa kakitangan badan dunia itu akan terus membantu kerja membina semula negara Teluk itu.

"Kami akan terus ada di sana. Ia tugas perlu. Kami tidak takut kepada peras ugut," kata Annan pada sidang akhbar di Stockholm, Sweden. Beliau juga berkata, PBB akan mengkaji semula kawalan keselamatannya.

Di lokasi serangan, usaha mencari mangsa diteruskan tetapi peluang menemui mangsa yang terselamat dianggap semakin tipis.

Tentera Amerika terus mengawal sekitar kawasan kejadian dan trak

tenteranya dilihat keluar masuk dari situ.

Majlis Pemerintah Iraq mengutuk serangan itu dan mengisytiharkan hari berkabung selama tiga hari sebagai mengingati mangsa yang terbunuh, kata seorang anggotanya, Ahmad Chalabi.

Majlis itu juga berjanji membina satu tugu peringatan sebagai menghormati sumbangan de Mello.

Anggota majlis itu percaya, serangan dilakukan penyokong rejim Saddam Hussein dengan bantuan militan asing.